

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja****SOALAN 1**

**Baca hadis berikut dan jawab semua soalan di bawahnya.**

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ الْمَرْأَةَ تُنْكَحُ عَلَى دِينِهَا، وَمَالِهَا، وَجَمَالِهَا، فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ، تَرَبَّتْ يَدَاكَ»

Rasulullah saw bersabda: “Sesungguhnya perempuan itu dinikahi kerana agamanya, hartanya dan kecantikkannya, maka hendaklah engkau memilih yang beragama, *taribat yadaaka*” (Riwayat Tirmizi)

- a. Terangkan perkara-perkara berikut.
  - i. Apakah maksud *تَرَبَّتْ يَدَاكَ taribat yadaaka*? Huraikan. (5 markah)
  - ii. Ungkapan *بِذَاتِ الدِّينِ فَعَلَيْكَ* hendaklah engkau memilih yang beragama secara zahirnya menunjukkan wajib. Terangkan permasalahan ini dari sudut hukum. (5 markah)
- b. Hadith di atas secara zahirnya menunjukkan harus mengahwini wanita kerana hartanya. Adakah suami dibenarkan menggunakan harta isteri? Huraikan. (5 markah)
- c. Bagaimanakah anda boleh menghubungkan hadith ini dengan konsep perkahwinan dalam Islam? (10 markah)

**[25 markah]**

**SOALAN 2**

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ أَبِي الْجَهْمِ قَالَ: سَمِعْتُ فَاطِمَةَ بِنْتَ قَيْسٍ، تَقُولُ: إِنَّ زَوْجَهَا طَلَّقَهَا ثَلَاثًا، فَلَمْ يَجْعَلْ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُكْنَى، وَلَا نَفَقَةً، قَالَتْ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا حَلَلْتَ فَأَذِنِي»، فَأَذَنْتُهُ، فَحَطَبَهَا مُعَاوِيَةَ، وَأَبُو جَهْمٍ، وَأُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ....

Daripada Abu Bakr b Abu Jahm, aku mendengar Fatimah binti Qais berkata: Sesungguhnya suaminya telah menceraikannya dengan talak tiga. (Setelah Fatimah mengadu kepada Rasulullah saw maka) Rasulullah saw tidak memberikan hak *sukna* dan *nafaqah* (kepadanya). Berkata Fatimah: Rasulullah saw berkata kepadaku: “Jika kamu telah tamat iddah maka beritahulah aku”. Lalu aku memberitahunya (selepas iddah). Aku dipinangi oleh Muawiyah, Abu Jahm dan Usamah...

a. Jelaskan butiran berikut:

i. Siapakah Fatimah binti Qais dan apakah kedudukan beliau dalam sejarah Islam?  
(5 markah)

ii. Adakah suami Fatimah binti Qais menceraikannya secara berdepan? Terangkan cerita yang sebenar.  
(5 markah)

b. Sebutkan tiga adab perkahwinan dalam Islam yang boleh difahami dalam hadith ini.  
(5 markah)

c. Huraikan kesudahan pinangan tiga orang sahabat itu dalam perbualan antara Rasulullah saw dengan Fatimah binti Qais.  
(10 markah)

[25 markah]

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**

**Soalan Pertama**

Baca hadis berikut dan jawab semua soalan di bawahnya.

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: تَزَوَّجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شَوَّالٍ، وَبَنَى بِي فِي شَوَّالٍ،  
فَأَيُّ نِسَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ أَحْظَى عِنْدَهُ مِنِّي؟

Daripada Aishah katanya: “Rasulullah SAW menikah dengan aku pada bulan Syawal dan mula menggauli aku pada bulan Syawal. Maka siapakah lagi isteri Rasulullah SAW yang lebih untung di sisi baginda berbanding aku?” (Riwayat Muslim)

(1) Terangkan perkara-perkara berikut.

(a) Apakah tradisi yang ingin dipecahkan oleh hadith ini. Huraikan.

(5 markah)

(b) Jelaskan makna **بَنَى** dalam teks yang diberikan.

(5 markah)

(2) Adakah termasuk sunnah berkahwin pada bulan Syawal? Huraikan

(5 markah)

(3) Hadith ini diletakkan di bawah tajuk “Adab-Adab Perkahwinan Dalam Islam”.  
Bagaimana anda mengaitkan hadith ini dengan tajuk tersebut. Bincangkan.

(10 markah)

[ 25 Markah ]

**Soalan Kedua**

**Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.**

عَنْ نَافِعٍ، قَالَ: سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
أَجِيبُوا هَذِهِ الدَّعْوَةَ إِذَا دُعِيتُمْ لَهَا

Daripada Nafi` berkata ia, aku mendengar Abdullah bin Umar berkata: Bersabda Rasulullah SAW: Sahutlah panggilan ini (*iaitu walimah*) apabila kamu dijemput. (Riwayat Muslim)

(1) Bincangkan hukum menerima jemputan walimah.

(10 markah)

(2) Apakah kriteria buruk berkenaan walimah yang ditegah oleh sunnah. Huraikan.

(5 markah)

(3) Diceritakan bahawa Ibnu Umar dan Ubai bin Kaab menghadiri walimah tetapi tidak menjamah makanan yang dihidangkan sebaliknya berdoa untuk majlis tersebut kerana berpuasa. Adakah amalan ini sesuai dalam konteks masyarakat moden hari ini. Bincangkan.

(10 markah)

**[ 25 Markah ]**